

RISALAH PEMBERITAHUAN PRODUK

Pelanggan Yang Dihormati,

Risalah Pemberitahuan Produk (PDS) ini bertujuan untuk memberikan anda maklumat yang penting mengenai Insurans Semua Risiko Kejuruteraan Sivil Sempurna anda.

Pelanggan-pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia bermanfaat; **anda juga harus membacanya.**

**PACIFIC
INSURANCE**

A member of the Fairfax Group

Maklumat yang terkandung di dalam Risalah Pemberitahuan Produk ini adalah sah dari 1 Januari 2026.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi The Pacific Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

1. Apakah Insurans Semua Risiko Kejuruteraan Sivil Sempurna?

Insurans Semua Risiko Kejuruteraan Sivil Sempurna menyediakan perlindungan bagi kerugian atau kerosakan pada harta atau sktruktur kejuruteraan awam anda yang siap.

2. Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, Jejambat lebuhraya dengan jumlah diinsuranskan sebanyak RM 500,000.00, anda akan mendapat perlindungan Insurans Semua Risiko Kejuruteraan Sivil Sempurna berikut dengan bayaran sebanyak RM 750.00 setiap tahun (tertakluk kepada Cukai Perkhidmatan dan Duti Setem):

Polisi ini melindungi:	Polisi ini mengecualikan:
Kerugian atau kerosakan pada harta atau struktur kejuruteraan awam anda yang siap yang timbul daripada peril yang berikut: • Kebakaran, kilat, letupan, hentaman oleh kenderaan bawaan darat/bawaan air • Hentaman oleh pesawat udara, peranti udara • Gempa bumi, volcanisme, tsunami • Ribut • Banjir, bah, tindakan ombak, air • Penenggelaman, tanah runtuh, batu runtuh • Fros, salji runtuh, ais • Vandalisme	• Perbuatan sengaja atau kecuaiannya sengaja anda • Kerugian/kerosakan pada perisian komputer • Kerugian/kerosakan daripada peperangan, serangan, perbuatan musuh asing, pertempuran, perang saudara, pemberontakan, revolusi, insurreksi, dahagi, rusuhan, mogok, sekat masuk, kekecohan awam, ketenteraan atau rampasan kuasa • Tindak balas nuklear, pancaran nuklear atau kontaminasi radioaktif • Keganasan • Sebarang jenis atau bentuk kerugian turutan atau kerosakan <i>Nota: Senarai ini tidak lengkap. Anda harus merujuk kepada polisi untuk senarai penuh pengecualian.</i>

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan mengenai Insurans Semua Risiko Kejuruteraan Sivil Sempurna, anda boleh:



Hubungi kami di
+603-2633 8999



Lawati laman sesawang kami di:
[Insurans Semua Risiko Kejuruteraan
Sivil Sempurna](http://InsuransSemuaRisikoKejuruteraanSivilSempurna)



E-mel kami di:
[customerservice@pacificinsurance.com.
my](mailto:customerservice@pacificinsurance.com.my)

3. Ketahui Kewajipan Anda

Bagi Insurans Semua Risiko Kejuruteraan Sivil Sempurna ini, anda dikehendaki membayar premium sebanyak:

Perlindungan Standard	RM 750.00 setiap tahun
Jumlah premium yang anda perlu bayar ialah RM750.00 .	

Anda juga dikehendaki membayar kos dan caj berikut:

Duti Setem	RM10.00 (layak mendapat pengecualian sehingga 31 Disember 2028 dengan syarat jika pemegang polisi adalah seorang individu, dan premium kasar tahunan tidak melebihi RM150; atau ialah MSME dengan syarat sijil MSME yang sah mesti diserahkan, dan premium kasar tahunan tidak melebihi RM250)
Komisen	15% daripada premium atau RM 112.50 (termasuk dalam jumlah premium)
Cukai Perkhidmatan	8% daripada premium atau RM 60.00

4. Terma-terma penting yang lain

- Anda mestilah memastikan harta atau struktur kejuruteraan awam yang siap diinsuranskan pada amaun yang sewajarnya, yakni kos penggantian sebagai baru atau kos pembinaan semula setiap harta atau struktur yang hendak diinsuranskan.
- Amaun yang boleh ditolak / berlebihan ialah amaun yang perlu anda tanggung sebelum kami membayar tuntutan.
- Premium anda adalah bergantung kepada jumlah diinsuranskan, risiko pendedahan dan keperluan pengunderaitan pihak kami.
- Sekiranya jumlah diinsuranskan dinyatakan bagi harta anda adalah kurang daripada jumlah nilai sebenar yang telah diinsuranskan pada waktu kerugian berlaku, anda dianggap menanggung sendiri terhadap perbezaannya.
- Syarat sumbangan – sekiranya pada masa apa-apa tuntutan yang timbul terbit di bawah polisi ini terdapat mana-mana insurans yang serupa terhadap kehilangan, kerosakan dan liabiliti, maka kami tidak akan bertanggungjawab untuk membayar atau menyumbangkan lebih banyak daripada kadar sepatutnya bahagian keadaan mana-mana tuntutan ke atas kerosakan atau liabiliti.
- Premium mesti dibayar dan diterima oleh kami dalam masa 60 hari dari hari perlindungan bermula, jika tidak perlindungan ini adalah dibatalkan secara automatik dan anda masih bertanggungjawab bagi premium pro rata pada tempoh hari-hari yang kami masih menanggung risiko.
- Anda dikehendaki mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan dikenakan dan apa-apa perkara seorang yang munasabah dalam keadaan itu boleh dijangka tahu sebagai berkaitan.
- Anda mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.
- Tempoh perlindungan ialah selama satu tahun. Anda dikehendaki memperbaharui polisi insurans anda setiap tahun.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Anda harus merujuk kepada polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.

5. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Anda boleh membatalkan polisi ini bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada kami. Di atas pembatalan, sebarang pemulangan premium akan tertakluk kepada syarat-syarat yang termaktub dalam kontrak polisi.

Jika anda mempunyai sebarang aduan, sila hubungi kami di:

Unit Pengawasan Aduan

40-01, Q Sentral, 2A Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur, Malaysia.

(P.O. Box 12490, 50780 Kuala Lumpur, Malaysia.)

Tel: +603-2633 8999 Faks: +603-2633 8998 Emel: customerservice@pacificinsurance.com.my

Sekiranya anda tidak berpuas hati dengan maklum balas kami, anda boleh menghubungi pihak berikut:

(a) Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (BNMLINK) Bank Negara Malaysia

Tingkat 4, Podium Bangunan AICB, No. 10, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur

Tel: 1-300-88-5465 Faks: +603-2174 1515 Borang Sesawang: bnm.gov.my/BNMLINK

(b) Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS)

Tingkat 14, Blok Utama, Menara Takaful Malaysia, No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur

Tel: +603-2272 2811 Laman Sesawang: www.fmos.org.my